

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

e-Buletin Ramadan IABCU 1447H/2026



1 RAMADAN 1447

INSTITUT AMINUDDIN BAKI
CAWANGAN UTARA

19 FEBRUARI 2026



Pelancaran Ihya Ramadan

8 Februari 2026

Anjung Kencana

* Gimik Ihya Ramadan

Pengarah Cawangan, En Ayub bin Ahmad merasmikan gimik Ihya Ramadan.

* Agihan Kurma

Semua staf.



Pengertian

Puasa dalam bahasa Arab bermaksud meninggalkan. Manakala maksud di sisi ahli Feqah ialah meninggalkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa iaitu bermula daripada terbit fajar hingga terbenamnya matahari dan disertai dengan niat.

Fadhilat Puasa

Puasa bulan Ramadan adalah satu rukun Islam. Setiap detik sepanjang bulan Ramadan adalah sebaik-baik masa dan sebaik-baik hari di atas muka bumi ini. Allah swt telah memberikan kelebihan yang banyak kepada bulan Ramadan berbanding bulan-bulan yang lain.

Bersyukur kita ke hadirat Ilahi yang mempertemukan kita dengan bulan Ramadan yang mulia. BAKI IABCU 2026 bakal mengimarahkan bulan Ramadan ini dengan kemunculan e-Buletin Ramadan edisi terhad.

Pelbagai aktiviti menarik bakal dilaksanakan. Antaranya adalah Tadarus dan Khatam Al-Quran, Kuliah dan Solat Jemaah Zohor, Bakul Ramadan, Iftar Jamae' dan Infaq Ramadan. Nantikan kemunculannya...

“Apabila tiba awal malam dalam bulan Ramadan diikat semua syaitan dan jin-jin yang derhaka, ditutup semua pintu neraka dan tidak dibuka walau satu pintu, dan dibuka pintu-pintu syurga dan tidak ditutup walaupun satu pintu.”
(Riwayat al-Tirmizi dan Ibnu Majah)